

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO

Risiko Strategik

Risiko strategik di peringkat korporat Bank ialah risiko tidak mencapai matlamat strategik korporat Bank. Matlamat Bank selari dengan perancangan strategik keseluruhan Kumpulan untuk mencerminkan visi dan misi Kumpulan, dengan mengambil kira keupayaan dalaman dan faktor luaran Bank.

Isu risiko strategik ditangani dengan penglibatan Lembaga dalam menetapkan matlamat strategik. Sehubungan ini, Lembaga sering mengemas kini hal yang menjejaskan pelaksanaan strategik korporat dan projek/urus niaga korporat. Terdapat juga usaha wajar dan proses pengesahan, termasuk pencukaian, undang-undang, kewangan, perbendaharaan, kelulusan serta pelaksanaan perjanjian kerahsiaan berhubung dengan cadangan korporat. Pelaksanaan projek ini dilakukan melalui penubuhan pejabat pengurusan projek dan jawatankuasa pemandu dengan penyelesaian segera bagi isu pelaksanaan, pelaporan dan penjejakan projek.

Risiko Modal

Bank telah menubuhkan kumpulan kerja untuk mengawas kedudukan kecukupan modal untuk memastikan kehendak BNM dipatuhi dan untuk mengambil tindakan segera bagi menangani kecacatan modal terunjur atau modal sebenar.

Bank memantau kedudukan kecukupan modalnya untuk memastikan kehendak BNM dipatuhi dan untuk mengambil tindakan segera bagi menangani kecacatan modal terunjur atau modal sebenar. Kedudukan modal disemak suku tahunan, dengan mengambil kira tahap dan trend risiko penting, andaian yang digunakan dalam sistem ukuran penilaian modal, kecukupan jumlah modal terhadap pelbagai risiko dan pematuhannya dengan matlamat kecukupan yang ditetapkan serta keperluan modal masa depan berdasarkan profil risiko Bank yang dilaporkan.

Pengurusan Risiko Pasaran

Risiko Pasaran ditakrif sebagai kerugian yang mungkin timbul akibat perubahan kadar faedah, kadar pertukaran mata wang asing, sebaran kredit, harga ekuiti dan harga komoditi. Perubahan ini boleh menjejaskan nilai instrumen kewangan dan boleh juga menjejaskan hasil berkaitan aliran pelanggan dan hasil perdagangan proprietari.

Objektif utama Pengurusan Risiko Pasaran adalah untuk memastikan kerugian akibat risiko pasaran boleh ditangani segera tanpa mengalami kerugian yang melampaui selera risiko Bank. Ini dilakukan dengan anggapan risiko yang diambil seimbang dengan pulangan untuk memastikan pemegang saham mendapat pulangan yang optimum.

Bank menguruskan risiko pasaran dengan dua pendekatan; pertama berada dalam keadaan pasaran normal dengan menggunakan Keuntungan Berisiko sebagai standard tanda aras. Keuntungan Berisiko terdiri daripada Nilai Berisiko (NB) dan ambang had kerugian. NB ialah ukuran statistik bagi kerugian mungkin yang berkemungkinan dialami oleh Bank akibat pergerakan bertentangan di bawah keadaan pasaran normal. Ambang had kerugian akan mencetuskan perbincangan pengurusan tentang langkah pengurangan sesuai yang perlu diambil sebaik sahaja tahap kerugian tertentu dicapai.

Pendekatan kedua menggunakan Modal Berisiko sebagai standard tanda aras untuk memastikan Bank berupaya menyerap pergerakan pasaran yang tidak dijangka berdasarkan senario kejutan yang lampau.

Untuk melengkapkan NB, bank telah menetapkan analisis senario sebagai petunjuk perubahan dalam nilai portfolio di bawah pelbagai keadaan pasaran yang mungkin timbul seperti anjakan kadar mata wang, harga ekuiti am, kadar faedah dan anjakan keluk hasil.

Ambang risiko diluluskan oleh Lembaga. Struktur risiko ini menjajarkan aktiviti ambil risiko yang khusus dengan keseluruhan selera risiko Bank dan selera risiko setiap unit perniagaannya.

Semua unit perniagaan dijangka mengekalkan pendedahan mereka dalam ambang risiko yang ditetapkan. Sekiranya ambang risiko dilampaui, unit perniagaan dikehendaki mengurangkan pendedahannya dengan segera kepada paras dalam ambang risiko. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan, pengurusan akan dirujuk tentang langkah yang sesuai untuk menangani pendedahan. Kawalan ini mengurangkan kemungkinan kerugian perdagangan yang akan melebihi selera risiko Bank.

Proses Pengurusan Risiko Pasaran

Pengenalpastian	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti risiko pasaran dalam produk sedia ada dan baru. • Menyemak maklumat berkaitan pasaran, misalnya trend pasaran, data ekonomi, dsb.
Penilaian/ Ukuran	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai Berisiko (NB). • Keuntungan Berisiko. • Modal Berisiko.
Pengawasan/ Pengurangan	<ul style="list-style-type: none"> • Tetapkan had risiko pasaran, misalnya had rugi, nilai berisiko dan sensitiviti. • Tetapkan mengikut belanjawan keuntungan perniagaan dan jajarkan dengan selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga.
Pemantauan/ Semakan	<ul style="list-style-type: none"> • Memantau had. • Semakan berkala dan pelaporan.

Pengurusan Risiko Pendanaan

Risiko pendanaan ialah risiko yang Bank tidak dapat mendana operasi sehari-harinya pada kos yang munasabah. Kecairan mungkin terjejas disebabkan oleh ketidakupayaan untuk mengakses deposit jangka panjang atau pendek, pasaran beli semula atau pemberian pinjaman sekuriti atau pengeluaran di bawah kemudahan kredit, sama ada disebabkan oleh faktor yang khusus kepada kami atau kepada keadaan pasaran umum. Di samping itu, jumlah dan masa peristiwa adalah tidak menentu, seperti komitmen jangka pendek dan luar jangka yang tidak didana, boleh menjejaskan keperluan tunai dan kecairan.

Akses kami kepada deposit dan pasaran pendanaan bergantung pada penarafan kredit kami. Penurunan taraf kredit kami boleh menjejaskan akses kepada kecairan, serta kedudukan berdaya saing kami, dan boleh meningkatkan kos pendanaan.

Objektif utama rangka kerja pengurusan risiko pendanaan adalah untuk memastikan sedia ada dana yang cukup pada kos munasabah untuk memenuhi semua komitmen kewangan apabila tiba waktu perlu dibayar di dalam keadaan pasaran biasa dan yang tidak dijangka. Ia juga memastikan struktur pendanaan optimum dan menyeimbangkan objektif pengurusan risiko pendanaan utama termasuk kepelbagaian sumber pendanaan, pangkalan pelanggan dan tempoh matang.

Langkah yang digunakan untuk pengurusan risiko pendanaan berubah-ubah daripada pemantauan dan pelaporan harian kepada bulanan. Ini termasuk aliran tunai mingguan, pemantauan pendeposit dan nisbah utama yang relevan dan pelaporan bulanan kepada JEMC tentang langkah serta pelanggaran had, jika ada. Ujian senario dijalankan untuk menilai kecukupan kecairan bagi memenuhi tanggungjawab di dalam keadaan tertekan.

Proses Pengurusan Risiko Pendanaan

Pengenalpastian	<ul style="list-style-type: none"> • Salah padan kematangan aliran tunai dan kematangan tingkah laku pendeposit. • Deposit dan/atau pengeluaran yang luar biasa besar.
Penilaian/ Ukuran	<ul style="list-style-type: none"> • Analisis salah padan kematangan aliran tunai dan tumpuan pendeposit besar. • Nisbah berkaitan risiko pendanaan, analisis senario dan pengujian stres.
Pengawasan/ Pengurangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan had dan pencetus. • Pengkalan tunai yang cukup dan aset boleh cair. • Kepelbagaian dan penstabilan liabiliti dan/atau struktur pendanaan.
Pemantauan/ Semakan	<ul style="list-style-type: none"> • Semakan berkala dan pelaporan.

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit ialah kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau ketidaksediaan pihak berlawanan untuk membuat pembayaran yang sepatutnya. Pendedahan kepada risiko kredit meningkat daripada pendedahan pemberian pinjaman, sekuriti dan derivatif.

Objektif utama rangka kerja pengurusan risiko adalah untuk memastikan pendedahan kepada kredit sentiasa berada pada tahap keupayaan dan kemampuan kewangan Bank untuk melawan kerugian yang mungkin timbul pada masa hadapan. Aktiviti pemberian pinjaman dipandu oleh dasar kredit dalaman dan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga atau jawatankuasa risiko. Prosedur khusus bagi menguruskan risiko kredit ditentukan di peringkat perniagaan dalam dasar dan prosedur yang khusus berdasarkan persekitaran risiko dan matlamat perniagaan.

Untuk kredit bukan runcit, pengukuran risiko bermula dengan menilai kedudukan kewangan peminjam atau pihak berlawanan menggunakan model perkadaran kredit dalaman. Model ini terdiri daripada markah kuantitatif dan kualitatif yang kemudiannya diterjemahkan kepada gred penarafan dari 'AAA' (risiko terendah) hingga 'C' (risiko tertinggi). Analisis kredit ini menunjukkan isu-isu kredit utama yang perlu dikawal, dan turut mencerminkan keseluruhan tahap risiko untuk setiap peminjam baru. Penarafan kredit yang diberikan membentuk bahagian penting dalam analisis kredit yang dijalankan bagi setiap pendedahan kredit Bank.

Strategi pengurusan portfolio kredit ini dirangka untuk mencapai tahap boleh-terima risiko portfolio yang sesuai dan pengagihan sektor turut mengawal hala tuju pemberian pinjaman. Strategi pengurusan portfolio ini termasuk sasaran taraf kredit minimum untuk kemudahan baru, pendekatan lebih agresif ke arah mengurangkan pendedahan risiko tinggi sedia ada dan pendedahan kepada sektor tertentu.

Untuk kredit runcit, sistem pemarkahan kredit kini digunakan untuk memantapkan proses penilaian kredit dan membuat keputusan kredit. Di samping itu, Bank sedang membangunkan sistem pemarkahan tingkah laku untuk menyemak profil kredit pelanggan sedia ada secara lebih baik dan untuk menghasilkan strategi pengumpulan yang sesuai.

Proses Pengurusan Risiko Kredit

Pengenalpastian

- Penilaian risiko ke atas impak faktor dalaman dan luaran yang mungkin berlaku ke atas urus niaga dan kedudukan.

Penilaian/ Ukuran

- Sistem penarafan kredit dalaman untuk menilai kelayakan kredit pelanggan.
- Ukuran risiko – metodologi termasuk mengenalpasti “kerugian dijangka” dengan menggunakan “kekerapan kecatatan dijangka” di bawah model penarafan dalaman dan mengira “kerugian tidak dijangka”.


Pengawasan/ Pengurangan

- Dasar pengurusan risiko kredit dan garis panduan tentang penarafan kredit, cagaran, pemuliharaan, dsb.
- Had pendedahan berdasarkan tahap kelayakan kredit (bagi kumpulan korporat) dan ambang berhemat (bagi sektor ekonomi).
- Pemantauan pulangan tanda aras untuk menimbangkan risiko yang diambil, perbelanjaan operasi dan kos modal.

Pemantauan/ Semakan

- Analisis/semak pendedahan pinjaman, penilaian kualiti aset dan pergerakan NPL, hubungan risiko-pulangan, dsb.
- Pelaporan dan pendedahan tentang had kredit.

Pendekatan Pengurusan Risiko Operasi



Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi ialah risiko yang timbul daripada proses, manusia dan sistem dalaman yang tidak cukup atau gagal, atau daripada peristiwa luar dalam operasi harian Bank, yang dilaksanakan untuk mencapai objektif perniagaannya, yang menyekat atau menghalang objektif tersebut daripada dicapai.

Pengurusan risiko operasi adalah disiplin untuk mengenal pasti, secara sistematik, perkara penting yang kritikal dan sebab-sebab kegagalan; untuk menilai kos yang mungkin timbul; dan meminimumkan impak risiko tersebut melalui inisiatif langkah dan dasar pengurangan risiko.

Menguruskan risiko operasi merupakan tanggungjawab utama setiap jabatan operasi. Namun begitu, pelaksanaan metodologi pengurusan risiko disokong dan dipandu oleh Jabatan Pengurusan Risiko yang berfungsi mentakrif standard minimum, dasar dan metodologi, memantau pematuhan, dan mengenal pasti serta melaporkan pendedahan tentang risiko di seluruh Bank. Jabatan yang beroperasi bertanggungjawab menilai risiko operasi mereka dan menyemak kawalan yang ditetapkan secara berkala, untuk memastikan langkah yang diperkenalkan kekal relevan dan sesuai.

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO

Proses Pengurusan Risiko Operasi

Pengenalpastian	<ul style="list-style-type: none">• Analisis proses utama.• Swanilai risiko dan semak kejadian yang dilaporkan.
Penilaian/ Ukuran	<ul style="list-style-type: none">• Lima platform punca risiko (manusia, proses, urus tadbir, IT & luaran) dan kejadian risiko.• Kad markah risiko dan kehilangan data.
Pengawasan/ Pengurangan	<ul style="list-style-type: none">• Dasar dan penyepaduan kawalan berkaitan ke dalam proses/prosedur menangani risiko operasi khusus.• Perancangan luar jangka.
Pemantauan/ Semakan	<ul style="list-style-type: none">• Semak unit perniagaan/sokongan/ operasi dan pengesahan oleh audit dalaman.• Semak maklum balas daripada pelaporan dalaman.• Pelaporan berkala tentang kejadian rugi dan isu risiko utama.

Kesinambungan Perniagaan

Proses Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (PKP), yang merupakan satu bahagian penting pengurusan risiko operasi, menekankan kepentingan memastikan rangka kerja PKP yang dikehendaki dilaksanakan untuk mengenal pasti peristiwa yang boleh mengancam operasi Kumpulan dan membina kebingkasan serta keupayaan untuk memelihara kepentingan jenama dan reputasinya. Proses PKP melengkapi usaha pasukan pemulihan bencana, untuk memastikan Kumpulan mempunyai keupayaan dan sumber kritikal yang diperlukan, seperti sistem, ruang kerja dan premis, komunikasi, dalam kemudahan kesinambungan perniagaan bagi operasi perniagaan yang lebih kritikal seperti Perbendaharaan dan IT.

Pengurusan Risiko Undang-undang dan Pengawalaturan

Kumpulan tertakluk kepada rangkaian komprehensif tanggungjawab undang-undang di dalam semua negara yang ia beroperasi. Risiko undang-undang timbul daripada kemungkinan berlakunya pelanggaran undang-undang terpakai dan keperluan pengawalaturan, ketakbolehkuatkuasaan kontrak, tuntutan mahkamah, atau penghakiman bertentangan yang boleh membawa kepada berlakunya kerugian, gangguan atau mengakibatkan risiko kewangan dan reputasi. Risiko undang-undang diurus oleh peguam perundangan dalaman serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi dan Undang-undang, dan sekiranya perlu, rundingan dengan peguam undang-undang luar diadakan untuk memastikan risiko tersebut diminimumkan.

Pemantauan risiko pengawalaturan dan proses kawalan adalah penting bagi mana-mana kumpulan kewangan untuk memberikan jaminan bahawa produk dan perkhidmatannya ditawarkan secara tekal dengan kehendak pengawalaturan dan amalan terbaik industri. Unit Pematuhan dalam Kumpulan melaksanakan tanggungjawab ini dengan memastikan langkah yang sesuai diperkenalkan dan diguna pakai sewajarnya. Antara langkah yang diperkenalkan ialah melaksanakan pemantauan dan pelaporan, memberikan latihan, memberikan nasihat dan mengedarkan maklumat. Satu proses yang kini dijalankan untuk menyamakan amalan pematuhan di seluruh Kumpulan AmBank.

Pemantauan pematuhan dan sistem pelaporan ialah sebuah mekanisme yang melaluinya perniagaan memantau pematuhannya terhadap kaedah dan peraturan serta menyediakan pelaporan bulanan, suku tahunan dan pengecualian yang dilaksanakan dalam talian. Ini mengesahkan lagi komitmen kami terhadap infrastruktur pematuhan terpusat yang meliputi swapenilaian berkala oleh staf, justeru memberikan jaminan kepada pengurusan bahawa staf menyedari dan mematuhi kehendak pengawalaturan.

Latihan kesedaran pematuhan dijalankan secara berkala untuk memastikan staf mengikuti perkembangan undang-undang perbankan, insurans, sekuriti dan anti perubahan wang haram serta perkembangan pengawalaturan lain. Program latihan ini membantu staf mengembangkan kemahiran mereka untuk mengenal pasti isu pematuhan serta memupuk etika korporat yang baik.

Pematuhan Kumpulan juga memberikan nasihat tentang pengawalaturan dan langkah yang akan dilaksanakan oleh Kumpulan untuk memudah cara pematuhan kaedah dan peraturan. Untuk terus meningkatkan kefahaman, Unit ini membantu melancarkan taklimat, mengedarkan maklumat dan memimpin usaha penyelarasan.

Repositori Pematuhan, satu alat sumber dalam talian, terus-menerus memberikan akses mudah tentang kaedah dan peraturan kepada staf melalui pelbagai mod carian.

Risiko Reputasi

Kami bersetuju bahawa memelihara reputasi kami di kalangan pelanggan, pelabur, pengawal atur dan orang awam merupakan satu aspek penting untuk meminimumkan risiko undang-undang dan operasi. Pemeliharaan reputasi kami bergantung pada banyak faktor, termasuk pemilihan pelanggan dan pengurusan aktiviti perniagaan kami. Kami berusaha memelihara reputasi kami dengan menyaring pelanggan berpotensi dan menjalankan aktiviti perniagaan kami menurut standard etika yang tinggi dan kehendak pengawalaturan.

Bank telah melaksanakan Program Kelulusan Produk untuk memastikan semua risiko sedia ada yang terkandung dalam pakej produk/pembiayaan baru dan aktiviti perniagaan berkaitan dikenal pasti dan langkah untuk meminimumkan risiko ini sudah disediakan sebelum produk dilancarkan. Semua produk baru memerlukan kelulusan unit kawalan risiko berkaitan, termasuk Pengurusan Risiko, Undang-undang, Kewangan dan Audit Dalaman serta Jawatankuasa/Lembaga Pengurusan Risiko.

BASEL II

Jawatankuasa Basel II tentang Pengawalseliaan Perbankan telah menerbitkan rangka kerja baru tentang kecukupan modal, umumnya dikenali sebagai "Basel II" menggantikan Basel I dengan kumpulan syarat-syarat yang lebih sensitif kepada risiko. Rangka kerja bersepadu ini distrukturkan atas tiga teras, iaitu keperluan modal minimum, proses semakan penyeliaan dan disiplin pasaran, dengan objektif untuk meningkatkan keselamatan dan kekukuhan dalam sistem kewangan dan untuk mewujudkan pendekatan komprehensif dalam menangani risiko.

Berdasarkan rangka kerja ini, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam juga telah mengeluarkan Standard Kecukupan Modal (SKM) untuk institusi (selain insurans) yang hanya menawarkan perkhidmatan kewangan Islam dengan pengubahsuaian dan adaptasi yang perlu, untuk memenuhi ciri produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang ditawarkan.

Bagi tahun kewangan terkini, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan garis panduan berikut berhubung dengan teras pertama (keperluan modal minimum):-

- i. Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko; Garis panduan ini sah untuk institusi perbankan yang berada di bawah kawalan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA), pada asas entiti dan penggabungan. Ini termasuk pengendalian modal untuk aktiviti perbankan Islam yang dijalankan oleh institusi perbankan di bawah jendela Islam.
- ii. Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam yang berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 (IBA).

Pelaksanaan Basel II untuk Kumpulan AmBank

Risiko Kredit

Untuk mempertingkatkan teknik dan amalan pengurusan risiko kredit, Kumpulan telah melaksanakan Pendekatan Standard Basel II dengan jayanya pada Januari 2008. Kumpulan mengguna pakai pendekatan yang komprehensif untuk mengiktiraf cagaran dan jaminan yang diperolehi sebagai cara mengurangkan risiko dan pendedahan kredit dalam pengiraan modal pengawalaturan.

Risiko Operasi

Untuk risiko operasi, Kumpulan menggunakan Pendekatan Petunjuk Asas untuk caj modal berwajaran risiko dan kini sedang berusaha untuk melaksanakan Pendekatan Standard. Sehubungan dengan ini, dasar baru yang relevan sedang dibentuk sementara yang sedia ada dipertingkatkan sewajarnya. Kumpulan juga telah mencapai fasa akhir dalam proses pemerolehan sistem pengurusan risiko operasi yang sesuai. Sistem ini menyokong keteguhan pengurusan risiko operasi dan membolehkan Kumpulan lebih mematuhi keperluan-keperluan Basel II. Ia juga membolehkan Kumpulan memantau secara proaktif risiko operasi melalui modul-modul peristiwa kerugian, petunjuk risiko utama, dan risiko dan kawalan swanilai.